
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2000/2001

Februari/Mac 2001

SAU213 – Gender, Ideologi dan Kuasa

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **TIGA** (3) soalan sahaja. Bahagian A adalah wajib dan 2 soalan dari Bahagian B.

BAHAGIAN A

1. Globalisasi membawa banyak teknologi, kimia dan mesin baru. Apakah kesan-kesan globalisasi ke atas kesihatan dan keselamatan pekerja wanita dalam sektor pembuatan (manufacturing) dan perkhidmatan (service)? Beri contoh-contoh yang sesuai.

(40 markah)

BAHAGIAN B

2. Globalisasi membawa masuk banyak pekerja asing wanita dari serantau ini. Beri punca-punca kedatangan mereka, jumlah yang terdapat sekarang ini, dan masalah-masalah yang mereka hadapi. Apakah kesan-kesannya ke atas pekerja di Malaysia? Bagaimanakah tindakan kerajaan untuk mengawal penggaliran ini dan bantuan yang diberi kepada mereka? Beri contoh-contoh yang sesuai.

(30 markah)

3. Isu seksualiti jarang dibahaskan oleh NGOs di Malaysia. Apakah sebab-sebabnya jarang dibincang perkara tersebut dan jelaskan bidang-bidang seksualiti ini. Beri cadangan-cadangan untuk mengatasi keadaan ini dalam konteks sosio-budaya Malaysia.

(30 markah)

4. Patriarki sudah bangkit semula di banyak negara. Bincangkan patriarki tersebut dan bagaimana ianya mempengaruhi kedudukan wanita serta hubungan jantina di Malaysia. Contoh-contoh perlu munasabah.

(30 markah)

5. Media membawa imej-imej tertentu mengenai wanita muda dan tua. Apakah imej-imej mengenai wanita muda dan tua yang selalu dipaparkan oleh media televisyen tempatan? Beri contoh-contoh yang sesuai bila membincangkan sesuatu imej itu.

(30 markah)

- ooo 0 ooo -